

## ABSTRAK

Tujuan tesis ini adalah untuk mengenalpasti bahawa filem Tamil *Dasavatharam* adalah pemodenan sebuah cerita mitos. Cerita serta tema penjelmaan Dewa Vishnu telah didapati penggunaannya dalam filem dan juga dalam seni persembahan seperti tari drama dan wayang kulit tetapi intipati jalan cerita dan mesej tidak diubah. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat bagaimana filem *Dasavatharam* telah mengadaptasi plot, perwatakan serta tema cerita mitos tersebut bagi menepati citarasa serta pemikiran masyarakat moden. Hasil kajian mendapati bahawa cerita mitos ini masih relevan dalam zaman moden kerana ia berfokuskan kepada masalah senjata bio-kimia yang mengancam kehidupan manusia sejagat serta bumi.

Filem ini mengutarakan idea yang di ambil daripada cerita mitos bahawa Tuhan mengambil inkarnasi (dalam filem tersebut, Govind berusaha untuk menghancurkan senjata bio-kimia tersebut) untuk menegakkan keadilan serta menghapuskan kejahatan. Cerita mitos *Dasavatharam* serta filem *Dasavatharam* membawa mesej bahawa semasa manusia menghadapi dugaan, kepercayaan kepada diri sendiri serta mempercayai wujudnya kuasa yang lebih tinggi boleh membantu dalam mengatasi masalah dan membawa kejayaan. Filem *Dasavatharam* mengutarakan mesej bahawa kita perlulah menjiwai Vishnu dalam memastikan bahawa bumi terpelihara, warisan diangkat dan budaya diikuti. Dengan berbuat demikian, manusia akan menambahkan nilai kepada penghidupannya. Filem *Dasavatharam* menyampaikan idea bahawa bumi ini adalah suatu taman permainan, (*rangbhoomi*) dan hidup adalah seperti suatu permainan (*leela*). Sesetengah filem yang kita tonton pada zaman sekarang, berkemungkinan adalah cerita yang telah dipinjam asal-usulnya daripada cerita mitos.